

NOTIS AWAM

PEMERIKSAAN AWAM TERHADAP PELAN DAERAH TUARAN, PELAN TEMPATAN DALIT. DAN PELAN TEMPATAN SULAMAN DI BAWAH SEKSYEN 7(2), ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA (CAP.141).

(22 NOVEMBER 2021 SEHINGGA 3 JANUARI 2021)

1. Notis umum ini dikeluarkan kepada orang awam bahawa Majlis Daerah Tuaran (MDT) kini sedang mengemaskini Pelan Daerah Tuaran, Pelan Tempatan Dalit dan Pelan Tempatan Sulaman. Pelan-pelan ini merupakan dokumen yang akan digunakan oleh Majlis Daerah Tuaran sebagai instrument kawalan pembangunan utama di daerah Tuaran.

2. Oleh yang demikian, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(2) Ordinan Perancang Bandar dan Desa (Cap.141), pemeriksaan draf pelan ini boleh dilakukan berdasarkan ketetapan lokasi seperti berikut:

i) Pejabat Majlis Daerah Tuaran

ii) Laman Sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah atau Majlis Daerah Tuaran

a) <http://www.townplanning.sabah.gov.my/Pengumuman.html>

b) <https://mdtuaran.sabah.gov.my/index.php>

atau Kod-QR di lampirkan bermula 22 November 2021;



3. Pelan-Pelan tersebut akan dipamerkan selama tempoh tiga puluh (30) hari (waktu berkerja) berkuatkuasa 22 November 2021 sehingga 3 Januari 2022: Mana-mana pihak atau badan awam yang ingin membuat bantahan boleh mengisi borang maklumbalas secara atas talian atau menerusi borang bantahan yang disediakan di pejabat Majlis Daerah Tuaran.

4. Hanya maklumbalas yang lengkap dalam borang akan diberi pertimbangan dalam mesyuarat yang akan ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Tuaran kelak. Pihak pembantah boleh menghantar sendiri atau diwakili oleh penguambela atau mana-mana wakil yang diberi kuasa.

Bertarikh di Tuaran pada 19 November 2021


[SADAN HAJI HUSSAIN]
PENGERUSI
MAJLIS DAERAH TUARAN